

# E-BULETIN MDA



## KERJASAMA ANTARA DUA BENUA - SATU MATLAMAT



*Kerjasama  
Dua Agensi*

## JALIN HUBUNGAN, PERKASA KAWAL SELIA – MDA BERTEMU MPS

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

CYBERJAYA, 7 JANUARI 2025 - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang) bertempat di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan meneliti kaedah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS 1900:2014 yang dijalankan di MP Sepang.

### *“Meneliti Kaedah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti”*

Pasukan MDA telah diketuai oleh Pn. Nashirah binti Naiimi, selaku Wakil Pengurusan Pensijilan ISO MDA diiringi oleh Pn. Nur Afifah binti Abdul Razak, Pegawai Syariah MDA serta barisan Ahli Jawatankuasa Pematuhan Syariah MDA.

Sesi perkongsian tersebut telah dipengerusikan oleh YM Raja Zulhelmi Bin Raja Saleh, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, diiringi oleh barisan Pegawai Syariah dan Juruaudit Dalam MP Sepang.



Wakil MDA yang menghadiri sesi kunjungan hormat terdiri daripada Pn. Nashirah binti Naiimi dan dari kanan dan Pn. Nur Afifah binti Abdul Razak.

Sesi penerangan dari pihak MP Sepang dimulakan dengan taklimat asas berkenaan latar belakang organisasi dan skop pelaksanaan Pensijilan Syariah MS 1900: 2014 di MP Sepang. Selain itu juga, pihak MDA telah didedahkan dengan persediaan, cabaran dan perubahan yang perlu dihadapi bagi mendapatkan pensijilan.



YM Raja Zulhelmi bin Raja Saleh merupakan Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MP Sepang.



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA sedang menyampaikan ucapan alu-aluan kepada Warga MDA.

## MEMPERKASAKAN JATI WARGA MDA

# MDA TEKAD PERKASAKAN JATI DIRI



Turut hadir adalah YBrs. En. Andy Lee Kuan Min, Anggota MDA.



Pegawai MDA khusyuk mendengarkan amanat yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif, MDA

**CYBERJAYA, 14 JANUARI 2025** - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah menganjurkan Majlis Amanat Ketua Eksekutif MDA 2025 dengan membawa tema "*What's Beyond 2025*" pada 14 Januari 2025 bertempat di Ibu Pejabat MDA, Cyberjaya

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA, dan diserikan lagi dengan kehadiran YBrs. Encik Andy Lee Kuan Min, Anggota MDA.

Majlis juga dihadiri oleh wakil-wakil daripada persatuan peranti perubatan, syarikat, establismen, serta wakil pengurusan tertinggi MDA.

Satu sesi soal jawab juga telah diadakan di antara Ketua Eksekutif MDA dan juga pihak industri sebagai inisiatif untuk penambahbaikan dalam struktur pengurusan pihak MDA pada masa hadapan.

Objektif majlis ini adalah untuk menyampaikan hala tuju Ketua Eksekutif bagi tahun 2025 serta sorotan pencapaian MDA selaku Badan Regulatori Peranti Perubatan bagi tahun 2024.



Barisan pegawai-pegawai Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) yang menghadiri kunjungan hormat ini.

*Kerjasama  
Dua Agensi*

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

## MDA & CKAPS: MENYATU ARAH, MEMACU REGULATOR KESIHATAN

**CYBERJAYA, 17 JANUARI 2025** - Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) melakukan kunjungan hormat ke Medical Device Authority (MDA). Delegasi Delegasi CKAPS yang diketuai oleh Dr. Mimi Zalwani binti Zakaria, Timbalan Pengarah CKAPS turut hadir bersama dengan 9 orang pegawai CKAPS.

Kunjungan Hormat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA dan turut dihadiri oleh Pn. Aidahwaty M. Olaybal, Pengarah Bahagian Kawalan Pra Pasaran MDA, Pn. Idamazura Idris, Pengarah Bahagian Pascapasaran dan Penguatkuasaan serta 8 orang pegawai MDA.



Wakil Pegawai dari Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).



Turut hadir En. Mohd. Shahreza bin Sirun dan En. Mohamad Shazani Shafiq bin Bahar.



Ketua Eksekutif memulakan agenda kunjungan hormat dengan kata alu-aluan.



Beraksi mesra sebagai kenangan di sudut fotografi, Bangunan MDA.

Objektif kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat serta mengadakan sesi perkongsian berkenaan proses pendaftaran dan pelesenan yang dilaksanakan oleh pihak MDA, termasuk pendekatan *pre-consultation* yang dijalankan terhadap pemohon sebelum mereka mengemukakan permohonan rasmi.

Kunjungan ini juga membuka ruang untuk perbincangan mengenai peningkatan kolaborasi antara kedua-dua agensi dalam memastikan standard keselamatan peranti perubatan yang digunakan sentiasa dipatuhi.



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA menerima cenderahati dari Encik Eldor Adilov, Pegawai Khas Pentadbiran Uzbekistan.

## PERTEMUAN MDA DAN UZBEKISTAN BUKA RUANG KOLABORASI GLOBAL

Oleh: Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Fasilitasi Industri

**CYBERJAYA, 5 FEBRUARI 2025** - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah menerima Lawatan Kerja dari Republik Uzbekistan yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Meranti, Aras 6, MDA Cyberjaya.

Seramai tujuh (7) orang delegasi dari Republik Uzbekistan yang diketuai oleh Mr. Eldor Adilov, *Specialist of the Administration of the President of the Republic of Uzbekistan*, *Director of the Project Office Center "Healthcare Projects Center*.

Turut hadir sama ialah Mr. Azizbek Salokhidinov, *Specialist of the Administration of the President of the Republic of Uzbekistan*, Mr. Saidmurod Ismailov - *Director of the Republican Specialized Vakhidov Surgery Center*, Mr. Zafarbek Abdugafurov - *Specialist of the Republican Specialized Vakhidov Surgery Center*, Mr. Jakhongirkhon Isroilov - *Vice-Rector of Tashkent Medical Academy*, Mr. Alisher Temirov - *Director of SI - Center for Pharmaceutical Product Safety* dan Mr. Rakhmatilla Khayrillaev - *Specialist of International Cooperation Department, Ministry of Health of the Republic of Uzbekistan*.


Delegasi MDA diketuai oleh Dr Muralitharan Paramasua dan turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian MDA dan Pegawai-Pegawai MDA yang berkaitan.

Pada sesi lawatan ini, delegasi telah diberikan taklimat ringkas berkaitan MDA untuk mendapatkan gambaran tentang sistem regulatori peranti perubatan di Malaysia.

Delegasi MDA dan Uzbekistan telah berbincang dan bertukar pendapat untuk menerokai peluang bagi menjalankan kerjasama dalam penyelidikan, inovasi, dan pembangunan projek yang boleh memberi manfaat kepada perkembangan industri peranti perubatan di kedua-dua negara.

MDA turut memaklumkan berkenaan rancangan lawatan kerja regulatori berkaitan peranti perubatan ke Republik Uzbekistan yang akan diadakan pada 30-31 Julai 2025. Delegasi Uzbekistan telah memberikan maklum balas yang positif dalam membantu menjayakan lawatan kerja regulatori ini.

Adalah menjadi harapan MDA agar lawatan kerja regulatori ini dilaksanakan dengan jayanya dan dapat membuka peluang mengembangkan perniagaan industri peranti perubatan kedua-dua buah negara.



Warga MDA dan Republik Uzbekistan bergambar kenangan di sudut fotografi.



Suasana perbincangan di dalam Bilik Mesyuarat Meranti di Bangunan MDA.



Pihak Uzbekistan sedang memberikan penerangan kepada pihak MDA.



Barisan pegawai-pegawai MDA dan pegawai-pegawai MRANTI bersama-sama untuk mengabadikan gambar kenangan bersempena dengan lawatan pihak MDA ke Mranti, Bukit Jalil.

Oleh: Bahagian Dasar & Perancangan Strategik

## MDA & MRANTI – KOLABORASI UNTUK MASA DEPAN PERANTI PERUBATAN

**KUALA LUMPUR, 6 JANUARI 2025** – Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (*Medical Device Authority* – MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Lawatan telah ini diadakan bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam peranan MRANTI sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (*Ministry of Science, Technology & Innovation* – MOSTI) yang bertanggungjawab melaksanakan program-program di bawah dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam mempercepatkan pembangunan dan pengkomersilan teknologi. Selain itu, lawatan ini juga membuka ruang untuk meneroka potensi kerjasama strategik antara MRANTI dan MDA dalam sektor peranti perubatan di Malaysia

Lawatan ini telah diketuai oleh YBrs. Puan Idamazura Idris@Harun bersama lapan pegawai dari Bahagian Dasar & Perancangan Strategik (DASAR) serta Bahagian Hubungan Antarabangsa & Industri (BHAJ). Pegawai-pegawai dari Bahagian DASAR yang turut hadir ialah Puan Mariammah a/p Krishnasamy, Encik Amir Azfar Miskon, Puan Anis Suhaila Abdul Rahman Fuad, Cik Sofea Arina Hazmin, Cik Nur Syaza Mohamad Robani, Puan Husna Mohd Razali dan Ts. Zubair Faramir Zainul Fadziruddin. Manakala pegawai daripada BHAJ diwakili oleh Ts. Mohd Shahrezza Sirun.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Mohd. Hazwan Mohd. Daut, Ketua Bahagian Ekosistem (Sains Hayat), bersama pasukannya yang berkongsi maklumat mengenai peranan MRANTI dalam menyokong inovasi teknologi, khususnya melalui inisiatif seperti *National Technology & Innovation Sandbox* (NTIS).

Penerangan turut merangkumi program dan inisiatif lain yang disediakan bagi membantu penyelidik, pemain industri serta syarikat pemula (*start-up*) dalam usaha membawa produk peranti perubatan inovatif daripada peringkat penyelidikan ke pasaran. Wakil MRANTI yang turut hadir dalam sesi ini ialah Puan Madihah Ahmad Razae, Puan Nurul Nadhirah Abdullah, Encik Ian Ong Chun Hung, Encik Zul Fadhli Zainal dan Encik Ibnu Mohamed.

Sepanjang sesi lawatan ini, pihak MDA juga membentangkan inisiatif yang sedang dirangka dalam usaha menggalakkan penyelidikan serta pengkomersilan dalam bidang peranti perubatan inovatif. MDA yakin bahawa kerjasama strategik dengan MRANTI dapat mempercepatkan pertumbuhan industri peranti perubatan negara, selari dengan usaha kerajaan dalam memajukan teknologi kesihatan inovatif serta meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global.

Lawatan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan antara MDA dan MRANTI, malah menjadi titik permulaan kepada kerjasama yang lebih erat dalam memacu inovasi dan memperkasa ekosistem industri peranti perubatan di Malaysia.



Pegawai MDA sedang mendengarkan penerangan daripada pihak MRANTI.



YBrs. Dr. Mohd. Hazwan Mohd. Daut, Ketua Bahagian Ekosistem (Sains Hayat) sedang memberikan penjelasan mengenai peranan MRANTI dalam menyokong inovasi teknologi kepada pegawai-pegawai MDA.

# PERKUKUH PENGUATKUASAAN DALAM TALIAN: MDA JALIN USAHA SAMA DENGAN MYNIC

CYBERJAYA, 5 MAC 2025 – Satu sesi Taklimat Kerjasama Penguatkuasaan Pemantauan Penjualan dan Iklan Peranti Perubatan dalam laman sesawang bersama-sama MYNIC Berhad (agensi di bawah Kementerian Digital) telah diadakan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

## Kerjasama Dua Agensi



Sesi gambar kenangan di sudut fotografi beramai-ramai di Bangunan MDA.

Sesi taklimat tersebut telah dihadiri oleh empat orang Pegawai Operasi dan Undang-Undang MYNIC yang diketuai oleh Puan Naurah Muhammad bersama-sama pegawainya Puan Norlin Husain, Puan Yeo Yee Ling dan Encik Muhammad Nur Farhan Amdan. Tujuan taklimat ini adalah untuk memahami peranan kedua-dua agensi berkenaan dan membincangkan peluang kerjasama antara dua pihak dalam memastikan aktiviti penjualan dan iklan peranti perubatan dalam laman sesawang mematuhi keperluan Akta 737 dan Peraturan Peranti Perubatan (Pengiklanan) 2019.

Oleh: Bahagian Pascapasaran dan Penguatkuasaan



Cik Zahroh Hasanah sedang menyampaikan cenderahati kepada Pegawai MYNIC Berhad.

MDA yang diketuai oleh Cik Zahroh Hasanah Darwis Harahap, wakil bagi Pengarah Bahagian Pascapasaran dan Penguatkuasaan telah mempengerusikan sesi taklimat ini dan 17 orang pegawai MDA juga turut hadir agar dapat memahami fungsi serta bidang kuasa MYNIC Berhad.

Sesi taklimat ini telah dimulakan dengan penerangan berkenaan pemantauan iklan dan penjualan peranti perubatan secara dalam talian oleh Encik Nik Muhammad Zuhair bin Shamsudin, Pegawai dari Unit Pemantauan, manakala wakil Undang-Undang MYNIC iaitu Encik Muhammad Nur Farhan Amdan juga memberikan pembentangan yang bertajuk “Safeguarding .MY Domain Space: Engagement with Law Enforcement Agencies (LEAs)”. Taklimat ini diakhiri dengan sesi soal jawab berkenaan isu dan peranan kedua-dua pihak dalam menjayakan aktiviti penguatkuasaan terhadap aktiviti penjualan dan iklan peranti perubatan haram dalam laman sesawang.



*Congratulations*

**PUAN AIDAHWATY M. OLAYBAL**

A WOMEN ICON

---

**BEST WOMEN LEADER  
OF THE YEAR**

TO PRAISE YOUR LOYALTY

---

Pn. Aidahwaty M. Olaybal, Division Director of Pre-Market Control, Medical Device Authority Malaysia, has won the Best Woman Leader of the Year Award, Proudly Organized by Women Icon, in association with Times Women.

# PERKONGSIAN STRATEGIK BERSAMA CLINICAL RESEARCH MALAYSIA



YBrs. Dr. Akhmal bin Yusof, Ketua Eksekutif CRM menyerahkan cenderahati kepada YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA.



Gambar kenangan di antara dua agensi iaitu pihak MDA dan pihak CRM di Bangunan Clinical Research Malaysia (CRM), Kuala Lumpur.

Oleh: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

**CYBERJAYA, 27 MAC 2025** - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke *Clinical Research Malaysia* (CRM) bertempat di Ibu Pejabat CRM, Kuala Lumpur. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan meneliti pembangunan polisi pentadbiran dalaman bagi memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lebih sistematik dan teratur seperti yang telah dibangunkan dan diamalkan di CRM.

Pasukan MDA telah diketuai oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, selaku Ketua Eksekutif MDA diiringi oleh beberapa pegawai dari Unit Khidmat Pengurusan (UKP) dan Unit Kewangan, Akaun dan Hasil (UKAH).

Sesi perkongsian tersebut telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Akhmal bin Yusof, Ketua Eksekutif CRM, diiringi oleh Pengarah Khidmat Pengurusan dan barisan Pengarah Bahagian CRM.

Sesi penerangan dari pihak CRM dimulakan dengan taklimat asas berkenaan latar belakang organisasi dan pembangunan organisasi di CRM. Selain itu juga, pihak MDA telah didedahkan dengan persediaan, cabaran dan perubahan yang perlu dihadapi dalam membangunkan polisi pentadbiran dalaman.





Barisan Juri - Juri bergambar mesra di atas pentas bersama dengan YBrs. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Kementerian kesihatan Malaysia.

## MDA SEBAGAI PANEL JURI DALAM PROGRAM *HEALTH & WELLNESS BRAND AWARDS 2024*

Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

**PETALING JAYA, 10 APRIL 2025** - MDA telah dijemput oleh pihak media, Sin Chew Daily Media Corporation Berhad Malaysia untuk menghadiri Program *Health & Wellness Brand Awards 2024* – sidang media serta majlis makan tengah hari yang berlangsung di ibu pejabat mereka di Petaling Jaya.

Acara ini bertujuan mengiktiraf dan meraikan jenama-jenama yang komited dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pegawai-pegawai yang mewakili MDA dalam acara berprestij ini ialah Puan Aidahwaty M. Olaybal, Pengarah Bahagian Kawalan Pra Pasaran, selaku salah seorang juri bagi program ini, serta Puan Wan Nurhalimah binti Wan Abdullah, Pegawai Penerangan dari Bahagian Komunikasi Korporat. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen MDA dalam menyokong inisiatif yang memperkukuhkan kesedaran awam terhadap kesihatan dan keselamatan produk di pasaran.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bersama pegawai-pegawai dari Unit Komunikasi Korporat KKM.

Acara ini bukan sahaja menjadi platform penghargaan kepada jenama-jenama cemerlang, malah membuka ruang kerjasama erat antara agensi kerajaan dan pihak media dalam memperkukuh ekosistem kesihatan negara.



Pihak Media dari Sin Chiew sedang membuat liputan berita untuk program ini.



YBrs. Dato' Sri Norazman Ayob, TKSU, KKM sedang menyampaikan sepatah dua kata.



Para juri sedang memberikan fokus kepada ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, TKSU, KKM.



Puan Aidahwaty M. Olaybal, Pengarah Bahagian Kawalan Pra Pasaran, MDA menerima cenderahati daripada pihak media, Sin Chew Daily.

# KERJASAMA GLOBAL – KEDUTAAN BELANDA BERTEMU MDA

*Kerjasama  
Dua Benua*

Oleh: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



Wakil MDA dan Kedutaan Belanda mengambil gambar sesi fotografi bersama-sama.



Puan Eva Oskam, Timbalan Ketua Misi dan Ketua Hal Ehwal Ekonomi.



Pembentangan dibuat dengan menggunakan Skrin TV LED di Bilik Mesyuarat Meranti.



Ketua Eksekutif MDA sedang memberikan penerangan kepada delegasi yang hadir.

**CYBERJAYA, 21 APRIL 2025** – Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) Dr. Muralitharan Paramasua telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kedutaan Kerajaan Belanda di Malaysia yang diketuai oleh Puan Eva Oskam, Timbalan Ketua Misi dan Ketua Hal Ehwal Ekonomi. Turut serta hadir dalam delegasi ini ialah Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan Kedutaan, Puan Agnes Seah dan Encik Ang Kit Sin.

Dalam sesi perkenalan ini, delegasi telah diberikan pendedahan ringkas mengenai sistem regulatori peranti perubatan di Malaysia serta agenda Dasar Peranti Perubatan Kebangsaan.

Delegasi Kedutaan dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHAi) yang diketuai oleh Puan Norlela Hatta@Antah turut mengambil peluang bertukar-tukar pandangan dan meneroka peluang kerjasama melalui penyelidikan, inovasi dan pembangunan projek, sebagai usaha memperkukuh hubungan diplomatik menerusi perkembangan industri peranti perubatan antara kedua-dua negara.

MDA menghargai komitmen Kerajaan Belanda dalam usaha memajukan kerjasama antarabangsa di bidang peranti perubatan.

# INOVASI BERTEMU REGULASI – SMART BUSINESS TRIPS LAWAT MDA

Oleh: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



En. Mohd Zul Hirsham bin Junaidi, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Norhafizah binti Mohd. Salleh, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Bantuan Industri.YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA, Yulis Kostevish, Ketua Pegawai (Rusia) dan Najehah binti Shammöddin, Penolong Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri.


**CYBERJAYA, 22 APRIL 2025** – Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Smart Business Trips, Puan Yulia Kostevich, daripada Rusia, telah mengadakan lawatan kerja ke pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi meneroka peluang menjalin kerjasama serta mengukuhkan hubungan antara negara Rusia dan Malaysia dalam sektor peranti perubatan

Ketua Eksekutif MDA, Dr. Muralitharan Paramasua, menyambut baik dan menghargai usaha Puan Yulia dalam memperkembangkan industri peranti perubatan di ke dua-dua buah negara. Beliau turut menjemput Puan Yulia untuk menyertai acara antarabangsa anjuran MDA yang bakal berlangsung tahun depan, iaitu International Medical Device Expo & Conference (IMDEC) 2026 di Kuala Lumpur.



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua menyerahkan cenderahati kepada Puan Yulia Kostevich.

MDA menghargai kehadiran Puan Yulia dan menantikan peluang menjalin kerjasama dengan industri peranti perubatan di Rusia, dan begitu juga sebaliknya.



# MDA TEROKA POTENSI BERSAMA UNIMAP


Oleh: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



Pegawai-pegawai MDA dan pegawai-pegawai UniMAP mengambil gambar kenangan di sudut "Hall of Fame" di Bangunan UniMAP, Perlis.

**PERLIS, 29 APRIL 2025** - Satu lawatan rasmi oleh delegasi dari Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah diadakan ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), bertempat di Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Elektronik, UniMAP, Pauh, Perlis. Lawatan ini diketuai oleh Puan Idamazura binti Idris @ Harun, dan turut disertai oleh Puan Nashirah binti Naiimi serta Puan Wan Husniati binti Wan Abdullah.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membincangkan skop kerjasama strategik antara MDA dan UniMAP dengan lebih terperinci, meneroka peluang kerjasama, serta merangka pelan tindakan ke arah memuktamadkan jalinan kerjasama yang dicadangkan.





YBrs. Dr. Prof Madya Ir. Ts. Dr. Razaidi bin Hussin, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Elektronik (FKTEN), UniMAP menyerahkan cenderahati kepada Puan Idamazura binti Idris @ Harun, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, MDA.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Razaidi bin Hussin, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Elektronik (FKTEN), UniMAP. Dalam sesi tersebut, beliau turut memberikan pengenalan kepada UniMAP secara umum, dengan fokus kepada FKTEN yang menawarkan program Kejuruteraan Bioperubatan — program yang berkait rapat dengan pembangunan dan inovasi peranti perubatan.

Pihak MDA juga telah berkongsi pengenalan ringkas mengenai latar belakang penubuhan MDA serta fungsi dan peranan utamanya dalam mengawalselia peranti perubatan di Malaysia di bawah peruntukan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Selain sesi perbincangan, delegasi MDA turut dibawa melawat ke makmal-makmal berkaitan biomedikal di fakulti berkenaan. Lawatan ini memberi gambaran menyeluruh terhadap kemudahan, infrastruktur, serta kepakaran teknikal yang dimiliki UniMAP dalam bidang kejuruteraan perubatan, dan berpotensi menyokong usaha ke arah kolaborasi yang lebih berimpak tinggi pada masa akan datang.




Sesi perbincangan bersama dari dua agensi MDA dan UniMAP.



Antara sudut fotografi menarik di UniMAP untuk dijadikan gambar kenangan.

Lawatan ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam membina jaringan kerjasama yang mampan antara kerajaan dan institusi akademik, demi memperkukuh ekosistem peranti perubatan negara.



# PHARMANIAGA & MDA – KERJASAMA DIPACU, SINERGI DIPADU

Oleh: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



Mencipta memori lawatan rasmi dari pihak Pharmaniaga ke MDA di sudut fotografi, di Bangunan MDA.




Gambar tengah : Penyerahan cenderahati diserahkan oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif, MDA kepada YBrs. Dr. Badarulhisam Abdul Rahman, Ketua Pegawai Sains, Pharmaniaga.



Puan Aidahwaty M. Olaybal, Pengarah Bahagian Kawalan Pra Pasaran, Puan Idamazura binti Idris @Harun, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan Encik Muhd. Radhuan, Pengarah Bahagian Pasca Pasaran.

**CYBERJAYA, 6 MEI 2025** - *Medical Device Authority* (MDA) telah menerima kunjungan rasmi daripada pihak Pharmaniaga. Sesi lawatan ini telah dipengerusikan oleh Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA. Delegasi Pharmaniaga diketuai oleh Dr. Badarulhisam Abdul Rahman, Chief Science Officer, bersama barisan pegawai kanan iaitu Dr. Israfil Merican (*Head of Biopharma and Patient Access Department*), Dr. Mohd Syahir Ismail (*Head of Medical Affairs*), serta Encik Nor Hazman Ali (*Head of Regulatory Affairs*). Pihak MDA pula diwakili oleh Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHAJ), Puan Norlela; Pengarah Bahagian Kawalan dan Pra-Pasaran (BKPP), Puan Aidahwaty; Pengarah Bahagian Dasar, Puan Idamazura; Pengarah Bahagian Pasca Pasaran dan Penguatkuasaan (BPP), Encik Radhuan serta beberapa Pegawai-Pegawai MDA yang lain.



Dalam sesi mesyuarat ini, Pharmaniaga telah membentangkan latar belakang syarikat termasuk fasiliti penyelidikan dan pembangunan (R&D), operasi pembuatan serta logistik di Malaysia dan Indonesia. Selain itu, syarikat turut memperkenalkan beberapa produk kombinasi seperti *Prefilled Syringe PAMERA* dan *Reusable Pen - Mypen2*.



Barisan pegawai-pegawai MDA yang terlibat dalam mesyuarat bersama Pharmaniaga.

YBrs. Dr. Muralitharan menzahirkan penghargaan kepada Pharmaniaga atas komitmen berterusan dalam memperkukuh sektor peranti perubatan negara. Lawatan ini diharap menjadi pemangkin kepada kolaborasi berimpak tinggi yang mampu memperkasa ekosistem industri peranti perubatan negara secara menyeluruh dan mampan.



Puan Norlela binti Hatta, Pengarah Bhg. Hubungan Antarabangsa dan Industri dan juga Puan Aidahwaty binti M.Olaybal, Pengarah Bhg. Kawalan Pra Pasaran.



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua turut memberikan perhatian dan fokus dengan penniselaran yang diberikan oleh Wakil dari Pharmaniaga.

# PROGRAM MALAM GALA HEALTH & WELLNESS BRAND AWARDS 2024 MERIAH!



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua diapit oleh barisan juri dan wakil Akhbar Sin Chew Daily sambil memegang cenderahati.

Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

PETALING JAYA, 8 MEI 2025 - MDA telah dijemput untuk menghadiri Program Malaysia Health & Wellness Brand Awards 2024 yang berlangsung di Ballroom One World Hotel. Majlis berprestij ini menghimpunkan jenama-jenama terkemuka dalam industri kesihatan dan kecantikan bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang serta sumbangan industri ini kepada masyarakat.

MDA diwakili oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif, En. Ahmad Farhan bin Mohd Yunus, Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat dan Pn. Wan Nurhalimah binti Wan Abdullah, Pegawai Penerangan Bahagian Komunikasi Korporat. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Senator Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), yang menyempurnakan ucapan perasmian serta menyampaikan penghargaan kepada para penaja, juri dan organisasi yang menyokong penganjuran acara ini.

Turut berlangsung ialah sesi makan malam gala, persembahan istimewa dan penyampaian anugerah kepada syarikat-syarikat dalam industri kesihatan yang cemerlang dalam sektor masing-masing.



Berbaju biru, YB Senator Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)



YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA sedang ditemu ramah oleh pihak media Sin Chew Daily.



Sebelum majlis bermula, tetamu kehormat ditempatkan di sebuah ruang khas.

Turut berlangsung ialah sesi makan malam gala, persembahan istimewa dan penyampaian anugerah kepada syarikat-syarikat dalam industri kesihatan yang cemerlang dalam sektor masing-masing.



Pihak Akhbar Sin Chew Daily sedang membuat sesi temu ramah dengan Ketua Eksekutif, MDA.



Temu ramah secara santai ini dijalankan sebelum sesi program bermula.

# MDA KONGSI INISIATIF INOVASI

Oleh: Unit Inter Agensi dan Kolaborasi



Sesi lawatan telah diketuai oleh Pn. Nashirah Naimi, Ketua Cawangan Perancangan Strategik bergambar mesra bersama barisan pegawai-pegawai MDA dan pegawai-pegawai Universiti Perdana.

**KUALA LUMPUR, 21 MEI 2025** - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah mengadakan satu lawatan rasmi ke Universiti Perdana yang terletak di Damansara Heights, Kuala Lumpur pada yang lalu. Lawatan ini diadakan bagi membincangkan cadangan kerjasama strategik yang dapat dijalankan yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua organisasi secara khususnya dan industri peranti perubatan secara amnya.

Delegasi MDA diketuai oleh Puan Nashirah binti Naimi, Ketua Cawangan Perancangan Strategik, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, bersama empat orang pegawai lain dari bahagian yang sama. Ketibaan delegasi telah disambut mesra oleh wakil pengurusan tertinggi Universiti Perdana iaitu Puan Amita Nandi, Timbalan Naib Canselor dan Prof.Madya Ir. Dr. Malarvili Bala Krishnan, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan.

Semasa lawatan, kedua-dua pihak telah membentangkan berkaitan latar belakang, fungsi, dan aktiviti organisasi masing-masing. MDA turut berkongsi inisiatif *Innovative Medical Device Pathway Framework* yang sedang dibangunkan, sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan inovasi dalam sektor peranti perubatan negara.

Selain itu, sesi perbincangan mendalam telah diadakan bagi meneroka potensi kerjasama, termasuk pembangunan program latihan yang diperlukan dalam industri peranti perubatan serta pelaksanaan pengujian peranti perubatan bagi tujuan pra dan pasca pasaran. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa usaha ini penting bagi memperkukuh ekosistem teknologi kesihatan negara yang semakin berkembang pesat dan menuntut kepakaran serta inovasi berterusan.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah proaktif dalam menyokong penyelidikan dan pembangunan modal insan yang dapat menyumbang secara langsung kepada kemajuan industri peranti perubatan tempatan.



Delegasi lawatan kerja diketuai oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA ditemani bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHAI).

## MISI REGULATORI-INDUSTRI KE UAE: PERKASA HUBUNGAN GLOBAL DALAM SEKTOR PERANTI PERUBATAN

Oleh: Unit Kerjasama Dua Hala

**DUBAI, 14 - 15 MEI 2025** - Lawatan Kerja Regulatori Bersama Industri Peranti Perubatan bagi tahun 2025 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah berjaya dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dengan penyertaan pelbagai agensi dan pemain industri peranti perubatan dari Malaysia dan UAE. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala dalam aspek regulatori, meneroka kerjasama strategik, menggalakkan aktiviti perdagangan serta membuka peluang pasaran baharu bagi industri peranti perubatan di kedua-dua buah negara.

Delegasi lawatan kerja ini diketuai oleh Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA, dan diiringi oleh dua pegawai MDA dengan kolaborasi bersama agensi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan sokongan daripada Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Turut menyertai lawatan kerja ini adalah wakil industri peranti perubatan Malaysia yang terdiri daripada Adventa Berhad, Lucenxia Sdn. Bhd., Advance Pact Sdn. Bhd., FOMEMA IOT Sdn. Bhd., Arah Tenang Sdn. Bhd. dan Ardor Biomed Malaysia Sdn. Bhd.



Lawatan kedua dalam program ini adalah mengadakan lawatan di Konsulat Jener Malaysia Di Dubai, MATRADE Dubai, MIDA Dubai dan Dubai Health Authority.

*Medical Device Industry Business* Program yang telah dirasmikan oleh tetamu kehormat YBrs. Encik Mohd Fadly Amri Aliaman, Konsul Jeneral Malaysia di Dubai turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara FOMEMA IOT (Malaysia) dan Stella Technology Pvt. Ltd. (UAE). MoU ini menandakan permulaan kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang peranti perubatan, terutamanya dalam teknologi radiologi AI. Program ini turut dihadiri oleh establismen dan wakil daripada institusi penjagaan kesihatan UAE.

Pada hari kedua lawatan kerja ini, delegasi telah mengadakan lawatan ke dua buah fasiliti penjagaan kesihatan iaitu Aster Hospital di Al-Qusais dan Medcare Hospital di Al-Safa.

Menerusi lawatan ini, delegasi telah berpeluang meninjau secara langsung operasi dan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, serta mengenal pasti potensi kerjasama dan perkongsian teknologi yang bersesuaian.

Seterusnya, delegasi telah mengadakan lawatan ke Aster Distribution Hub dan lawatan ini telah memberikan pendedahan menyeluruh mengenai aktiviti hab logistik yang merangkumi *traceability system* dalam rangkaian bekalan peranti perubatan, prosedur import-eksport, serta kecekapan operasi yang dapat dinilai bagi menyokong penambahbaikan sistem logistik di Malaysia.

Semasa lawatan kerja ini juga, MDA telah mengadakan kunjungan hormat ke Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, MATRADE Dubai, MIDA Dubai dan *Dubai Health Authority*.

# PERANTI PERUBATAN DI FASILITI KESIHATAN KINI LEBIH TERSUSUN!

Oleh: Unit Usage & Kemudahan Penjagaan Kesihatan



Gambar kenangan bersama peserta Bengkel Pengurusan Peranti Perubatan di Fasiliti Kesihatan, Bangunan MDA, Cyberjaya.

**CYBERJAYA, 28 - 29 MEI 2025** - Bengkel “Pengurusan Peranti Perubatan di Fasiliti Kesihatan” telah berjaya dianjurkan pada 28 hingga 29 Mei 2025, bertempat di Bilik Seminar, Aras G, MDA. Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta input daripada pelbagai pihak berkepentingan mengenai pengurusan peranti perubatan termasuk pelaksanaan aktiviti pemasangan, pengujian, penyenggaraan, serta pelupusan peranti perubatan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 43 Akta 737.

Selain itu, bengkel ini juga turut memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai penyenggaraan peranti perubatan yang dikategorikan sebagai *Orphaned*, *Obsolete* dan *Discontinued* (OOD) di fasiliti kesihatan, yang kini menjadi antara cabaran utama dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan yang selamat dan berkualiti.

Seramai 40 orang peserta telah menghadiri bengkel ini, yang terdiri daripada wakil-wakil Hospital Awam, Hospital Swasta, Hospital Tentera, Hospital Universiti, syarikat konsesi, Jurutera Operasi Hospital, serta syarikat peranti perubatan yang berkaitan.

Kepelbagaian latar belakang kesemua peserta ini telah menyumbang kepada perbincangan secara menyeluruh.

Bengkel ini telah dimulakan dengan pembukaan serta penerangan objektif dan latar belakang oleh Puan Nashirah Naiimi, Ketua Cawangan Perancangan Strategik. Dalam penerangan tersebut, peserta telah didedahkan secara mendalam berkenaan Seksyen 43 Akta 737 yang melibatkan secara terus peranan pengguna dan penyelenggara peranti perubatan.

Seterusnya, bengkel ini diteruskan dengan sedikit penerangan berkenaan cadangan Draf Pengurusan Penggunaan Peranti Perubatan Yang Yatim, Usang Dan Yang Diberhentikan oleh Puan Anis Suhaila Abdul Rahman Fuad.



Peserta bengkel memberikan "posing" santai sebagai gambar kenangan.

Bengkel ini telah dilaksanakan dalam bentuk perbincangan berkumpulan. Para peserta telah dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan setiap kumpulan telah dibantu oleh pegawai-pegawai di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Pegawai-pegawai ini telah bertindak sebagai fasilitator, dan telah diberikan topik tertentu bagi perbincangan untuk dibentangkan. Pendekatan ini berjaya menggalakkan pertukaran idea. Di samping itu, menggalakkan penglibatan langsung peserta dalam merumuskan cadangan dan penambahbaikan yang praktikal mengikut kesesuaian industri.

Sepanjang dua hari penganjuran bengkel ini, pelbagai isu telah dapat diketengahkan dan dibincangkan. Antara aspek yang diberi perhatian termasuk keperluan penyelarasan tatacara kerja, cabaran pengurusan peranti OOD, keperluan pematuhan kepada peruntukan undang-undang, serta cadangan kepada penambahbaikan dasar sedia ada.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah mencapai matlamat yang disasarkan dan berjaya mengumpulkan input daripada pelbagai pihak. Pihak MDA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta atas komitmen dan penglibatan sepanjang bengkel ini.



Barisan pegawai-pegawai MDA yang bertungkus-lumus menjayakan pameran di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

## MDA KONGSI INFO PENTING DENGAN HOSPITAL SWASTA

Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

**KUALA LUMPUR, 11 JUN 2025** – Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah menyertai APHM *International Healthcare Conference & Exhibition 2025* dengan membuka reruai pameran di Dewan 4, aras bawah, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program ini telah dianjurkan selama 3 hari berturut-turut iaitu pada 9 Jun 2025 sehingga 11 Jun 2025 dan dibuka kepada para pengunjung dari jam 9.30 pagi hingga 5.00 petang.

Bertemakan “*Managing Healthcare Costs and the Promise of Healthcare Financing*”, persidangan ini telah menghimpunkan pemain-pemain industri kesihatan dari dalam dan luar negara bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan kos dan pembiayaan penjagaan kesihatan.

Sepanjang program ini diadakan, reruai MDA telah dikunjungi dengan pelbagai kehadiran orang ramai seperti orang awam dan pemain industri peranti perubatan untuk mendapatkan maklumat berkaitan peranti perubatan dengan lebih cepat, jelas dan tepat.

MDA diwakili oleh Pegawai-Pegawai teknikal daripada Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHAI) dan Bahagian Kawalan Pra-Pasaran (BKPP) yang sedia menjawab pertanyaan dan berkongsi info secara terus kepada pengunjung.

Kesimpulannya, Kehadiran MDA sebagai badan kawal selia yang menyertai program mega ini telah menunjukkan ketelusan dan komitmen MDA dan turut membantu meningkatkan keyakinan pihak Industri bahawa agensi kerajaan memberi sokongan yang padu dengan bersama-sama dalam ekosistem yang sama.

Selain itu, reruai ini menjadi saluran promosi berkesan untuk menunjukkan cara sistem digital MDA yang memudahkan urusan industri dengan hanya melayarinya di portal MDA. Penerangan secara langsung pihak MDA kepada para pengunjung boleh meningkatkan kefahaman dalam isu-isu peranti perubatan dan memberikan kepuasan kepada kedua-dua pihak.



Salah seorang pegawai MDA sedang memberikan penerangan kepada pelawat reruai MDA.



Ruang reruai MDA turut menempatkan tempat duduk dan meja untuk memberikan pengalaman yang selesa kepada pengunjung-pegunjung reruai MDA.

# SIRI 1 LATIHAN *HANDS-ON* E-PERMIT MDA: PERKASA KEFAHAMAN PENGGUNA

Oleh: Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri



Puan Nur Aisyah binti MD Yusof, Penolong Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHA) memberikan taklimat kepada peserta-peserta program *Hands-on Training* Sistem ePermit MDA.

**CYBERJAYA, 16 JUN 2025** – Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) melalui Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri (BHA) telah berjaya menganjurkan Sesi *Hands-on Training* Sistem ePermit MDA – Siri 1 yang berlangsung di MDA, Cyberjaya. Program ini dianjurkan khusus bagi memberi pendedahan secara praktikal kepada pemain industri, khususnya pengimport, berhubung penggunaan Sistem ePermit MDA bagi tujuan permohonan permit import dan pengeluaran slip pengesahan (*verification slip*).

Sesi ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 53 peserta yang terdiri daripada pengimport, pengilang (*manufacturer*) dan *forwarding agent*. Kehadiran ini mencerminkan tahap komitmen yang tinggi daripada pihak berkepentingan dalam memahami serta mematuhi keperluan pengawalseliaan peranti perubatan di Malaysia.

Sepanjang sesi berlangsung, para peserta telah diberikan taklimat menyeluruh mengenai fungsi dan struktur sistem ePermit. Sesi diteruskan dengan panduan pengisian borang permohonan secara dalam talian, sebelum peserta menjalani latihan amali dan simulasi penggunaan sistem secara langsung. Pendekatan interaktif ini membolehkan peserta untuk memahami secara lebih mendalam serta mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pegawai teknikal MDA.

Pihak MDA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta atas penyertaan dan kerjasama yang diberikan. Diharapkan penganjuran program seperti ini dapat memperkukuh kefahaman pengguna terhadap sistem ePermit dan melancarkan proses pengimportan peranti perubatan ke Malaysia.



Para peserta bengkel memberikan komitmen dan fokus mendengarkan sesi penerangan dari MDA.




Suasana taklimat yang selesa, kondusif dan selamat untuk peserta bengkel MDA.



Puan Aisyah menyediakan pembentangan yang memberikan penjelasan terperinci kepada pihak industri.



Ruang interaktif yang efektif memudahkan interaksi di antara pegawai MDA dan pihak industri.





Sesi perbincangan ini diketuai oleh Puan Nashirah binti Naiimi, dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai MDA dari bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DASAR).

## MDA–ISB JALIN KERJASAMA STRATEGIK, SOKONG PEMERKASAAN EKOSISTEM PERANTI PERUBATAN

Oleh: Cawangan Perancangan  
Strategik, Bahagian DASAR

**CYBERJAYA, 18 JUN 2025** – Satu sesi perbincangan antara Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dengan Invest Selangor Berhad (ISB) telah diadakan di Pejabat MDA, Cyberjaya. Sesi tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DASAR) iaitu Puan Nashirah Naiimi, Puan Maryam Nazeera Suhaimi, Encik Sayyid Hasanul Husain dan Cik Nurfasyha Izlyna Shamsul Bahri. Manakala pihak ISB diwakili oleh Encik Aaron Abdullah, Puan Sabrina Shafie dan Puan Faraheen Fazin.

Perbincangan telah adakan dengan meneliti penambahbaikan dan pembaharuan yang dapat dilakukan ke atas -

skop jalinan kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara MDA dan ISB.

Fokus dalam perbincangan ini menjurus kepada inisiatif yang boleh dijalankan bagi memenuhi keperluan industri peranti perubatan dengan tumpuan diberikan kepada pemain industri dalam negeri Selangor.

Kerjasama yang diteruskan ini dijangka dapat memperkukuhkan dan memberikan manfaat kepada industri peranti perubatan di Malaysia, khususnya di Selangor dan diharapkan dapat diperluaskan ke negeri-negeri lain di serata negara.